

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SISA SIFAR (ZERO WASTE) &  
PENYERAHAN MESIN KOMPOS CECAIR  
SEKOLAH MENENGAH SAINS TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN  
4 OKTOBER 2012  
9.00 PAGI**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Tuan Haji Jamaluddin bin Yaakop**

Pengetua Cemerlang Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin

**Yang Dihormati En Abdul Aziz bin Abdul**

PIBG Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin

**Yang Dihormati En Tan Khan Aun**

Penyelaras Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin

**Para Guru dan Pelajar**

Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin

Rakan-rakan Media

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam  
Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Perasmian Sisa Sifar dan penyerahan mesin kompos cecair Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin pada pagi ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengetua, barisan kepimpinan PIBG, guru-guru, pelajar-pelajar yang berusaha meningkatkan nama Sekolah Menengah Tun Syed Sheh Shahabuddin dalam aspek-aspek keindahan dan kehijauan persekitaran yang telah berjaya seperti dalam aspek-aspek:

- Anugerah Perak dalam Anugerah Sekolah Hijau MPSP bagi dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2010 dan tahun 2011 untuk Peringkat Seberang Perai.
- Mendapat tempat ketiga bagi tahun 2012 dan hadiah saguhati bagi tahun 2011 dalam Pertandingan Pendidikan Alam Sekitar SEAMEO-RECSAM di Peringkat Kebangsaan.
- Manakala di Peringkat Antarabangsa, sekolah ini telah mendapat keputusan yang cemerlang. Pada tahun ini, dalam International Environment & Sustainability Project Olympiad (INESPO) 2012 yang diadakan di Amsterdam, saya diberitahu bahawa sekolah ini telah berjaya mendapat Encouragement Award. Dan untuk tahun-tahun

sebelumnya, mendapat Gold Award dan Bronze award dalam pertandingan yang sama. Tahniah dan syabas kepada semua.

Selain daripada program zero waste yang akan dilancarkan pada hari ini, saya juga difahamkan sekolah ini menjalankan pelbagai aktiviti hijau seperti kompos, enzim, pusat kitar semula, mudballs, membuat sabun daripada minyak terpakai, pengumpulan air hujan bagi tujuan menjimat air, penanaman pokok buah-buahan.

Kesemua aktiviti-aktiviti ini adalah satu usaha yang menjurus kepada tercapainya “Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang” yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga visi MPSP iaitu “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan.”

Para guru dan pelajar sekalian,

Pada tahun 2011 dan tahun 2012, MPSP telah menggunakan pendekatan yang lebih agresif seperti 4R, komposting, Sisa Sifar (Zero Waste), Industri Hijau, Anugerah Sekolah Hijau untuk mempromosikan kegiatan-kegiatan ini berbanding dengan tahun-tahun yang lepas kerana masalah pengurusan sisa pepejal bukan lagi masalah MPSP tetapi masalah kita semua. Ia merupakan program yang MESTI dilaksanakan dan ia merupakan satu cabaran yang besar kepada Pihak Pengurusan MPSP.

Untuk makluman umum semua, MPSP mengutip sekurang-kurangnya 1000 tan sampah-sarap pada setiap hari. Ini tidak termasuk besi-besi buruk atau sampah-sarap yang dibuang sendiri oleh individu atau syarikat-syarikat yang beroperasi di sekitar Seberang Perai. Semua sampah-sarap ini akan dibuang ke tapak pembuangan sampah atau dilonggokkan di tempat-tempat pembuangan haram sehingga menjaskan keindahan dan estetika perbandaran. Akibatnya, Majlis Perbandaran Seberang Perai perlu membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit setiap tahun untuk mengendalikan pengurusan sampah-sarap tersebut.

Pada tahun 2011, MPSP telah menguruskan 5460 tan sisa pepejal dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 42 juta. Pada tahun 2012, dalam bajet yang diperuntukan, angka ini akan mencecah RM 65 juta. Oleh itu, MPSP telah menjalankan aktiviti kitar semula, kadar kitar semula yang dicatatkan oleh MPSP secara purata sehingga bulan Ogos adalah sebanyak 24.81% iaitu sebanyak 81,943 tan. Sasaran Kerajaan Negeri untuk tahun 2012 ialah 30%. Dan ini telah membantu MPSP untuk menjimat RM 1.444 juta. Wang yang dijimatkan boleh digunakan oleh MPSP untuk membaiki jalan, lampu atau menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada semua.

Penyertaan Sekolah Sisa Sifar ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau yang telah dilancarkan pada 25 Jan 2010 di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Butterworth. Sehingga bulan

September 2012, sebanyak 53 buah sekolah telah menyertai Pertandingan Sekolah Hijau berbandingan dengan tahun 2010 dan tahun 2011, masing-masing hanya mencatatkan 30 dan 36 penyertaan sahaja daripada sekolah di Seberang Perai.

Ini sebenarnya merupakan suatu petanda yang positif di mana kebanyakan kita bukan sahaja sudah mempunyai rasa tanggungjawab malah telah mula bertindak untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula atau membuat baja kompos dan aktiviti hijau yang lain bagi memelihara alam sekitar kita.

Program Sisa Sifar dan penyerahan bekas kompos cecair yang akan dilancarkan pada hari ini juga selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu :

- **Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan**

Dibawah fokus ini, program-program yang akan dijalankan adalah seperti meningkatkan kehijauan alam sekitar dengan mengadakan penanaman pokok. Selain daripada itu, taklimat berkenaan dengan kitar semula, pengasingan di punca, gotong-royong, ceramah dan lain-lain akan dijalankan.

Pada pagi ini juga, kita akan menyaksikan penyerahan bekas kompos cecair yang kepada SM Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin. Mesin ini dianggarkan

bernilai RM 18,800.00. Dengan adanya mesin ini, ia dapat membantu pihak kantin dan para pelajar untuk memproses sisa makanan dengan cara yang lebih mudah dan seterusnya mencapai sisa sifar di sekolah ini.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Sisa Sifar dan Penyerahan Mesin Kompos Cecair Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin, Bukit Mertajam.

Sekian, terima kasih.